Peringkat prosedur secara asasnya mengandungi dokumen yang menerangkan kaedah-kaedah atau metodologi-metodologi tentang bagaimana aktiviti-aktiviti operasi syarikat dilakukan dengan sempurna.



Dokumen No: NNSB -MK	Isu No: 1	Tarikh Isu: 11/11/2018	No Semakan: 0	Muka surat: 22 of 35
-------------------------	--------------	---------------------------	------------------	-------------------------

- **Peringkat 3 – Rujukan / Sokongan**

Peringkat Dokumen Rujukan / Sokongan antara lain mengandungi dokumen-dokumen yang menjadi rujukan dan sokongan kepada prosedur-prosedur yang telah dibangunkan oleh syarikat. Antara contoh-contohnya termasuklah Amalan Keselamatan dan Kesihatan Kerja.

- **Peringkat 4 – Rekod**

Rekod-rekod seperti jadual kerja, laporan, borang-borang pemeriksaan dan senarai semak juga terangkum dalam peringkat ini.

7.5.2 Mewujudkan dan Mengemaskini

Apabila mewujudkan dan mengemaskini maklumat didokumentasikan, NNSB akan memastikan kesesuaian:

- a. pengenalpastian dan perihalan (contoh, tajuk, tarikh, pengarang, atau nombor rujukan)
- b. format (contoh, Bahasa, versi perisian, grafik) media (contoh kertas, elektronik)
- c. kajian semula dan kelulusan bagi kesesuaian dan kecukupan.

7.5.3 Mewujudkan dan Mengemaskini

Pengawalan dokumen dibuat supaya setiap perubahan dan pindaan terhadap Manual Kualiti dan Manual Prosedur Operasi dapat dikawal dan dikemaskinikan untuk diguna pakai. Rekod merupakan dokumen khas yang diwujudkan oleh NNSB bagi menentukan bukti keakuratan pelaksanaan operasi dan akan sentiasa dikawal. Kawalan bertujuan:-

- a) Dokumen terkini tersedia apabila dikehendaki
- b) Dokumen yang tidak lagi digunakan telah dilupuskan.
- c) Semua dokumen disemak dan dilupuskan oleh individu yang diberi kuasa.

Kawalan keatas Pelan Lukisan untuk projek pembinaan adalah melalui Kontrak Dokumen yang telah disediakan sebelum memulakan projek.

Satu prosedur yang menerangkan kaedah pengawalan dokumen akan diwujudkan. Kaedah pengawalan ini meliputi:

- a) Kelulusan dokumen sebelum dokumen diguna pakai
- b) Menyemak dan mengemaskini dokumen dan meluluskan semula dokumen yang telah dipinda
- c) Sekiranya terdapat perubahan pada dokumen berkenaan, pindaan akan menggantikan dokumen lama dan edisinya akan berubah kepada edisi berikutnya.
- d) Memastikan pindaan terkini diguna pakai dan dokumen terbabit berada di tempat yang sepatutnya.
- e) Semua bahagian mempunyai prosedur yang berkaitan untuk aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di bahagian berkenaan dengan kod dokumen yang tersusun. Semua prosedur-prosedur yang diwujudkan akan dipastikan sentiasa boleh dibaca dan dikenalpasti.



Dokumen No: NNSB -MK	Isu No: 1	Tarikh Isu: 11/11/2018	No Semakan: 0	Muka surat: 23 of 35
-------------------------	--------------	---------------------------	------------------	-------------------------

- f) Memastikan setiap dokumen luar yang dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi perancangan dan operasi NNSB dikenalpasti dan dikawal pengedarannya
- g) Memastikan semua dokumen lapuk dan tidak diguna pakai mempunyai tanda pengenalan dan sekiranya dokumen-dokumen tersebut disimpan sebagai rujukan, maka satu bentuk pengenalan dan pengenalpastian akan diwujudkan.

Dokumen berkaitan:

- 1. Prosedur Kawalan Dokumen**
- 2. Prosedur Kawalan Rekod**
- 3. Senarai Induk Rekod Kualiti**

8.0 Operasi

8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi

NNSB akan merancang dan membangunkan proses-proses berkaitan bagi penghasilan perkhidmatan. Perancangan untuk penghasilan perkhidmatan mestilah memenuhi keperluan-keperluan yang dinyatakan dalam proses-proses yang diwujudkan dalam SPK. (Rujuk Klausula 6 Manual Kualiti ini).

Dalam melaksanakan perancangan penghasilan perkhidmatan, NNSB akan menentukan perkara-perkara berikut mengikut kesesuaian:

- a) Objektif kualiti dan keperluan penghasilan perkhidmatan yang dinyatakan pelanggan
 - a. Keperluan untuk mewujudkan proses dan dokumen yang berkaitan dan menyediakan sumber yang diperlukan bagi menghasilkan perkhidmatan
- b) Melaksanakan penentusahan, pengesahan, pemantauan, pengukuran, pemeriksaan dan sebarang aktiviti pengujian yang bersesuaian dan diperlukan bagi penghasilan perkhidmatan serta kriteria yang telah ditetapkan
- c) Mewujudkan rekod-rekod berkaitan yang diperlukan sebagai pembuktian perkhidmatan yang dilaksanakan .
adalah memenuhi keperluan

Output daripada perancangan ini hendaklah dalam bentuk yang bersesuaian dengan kaedah operasi yang dijalankan oleh NNSB dan memenuhi keperluan pelanggan.

Dokumen berkaitan:

- 1. PQP**
- 2. Pemetaan Proses Pelaksanaan Dan Pengurusan Projek**
- 3. Senarai Induk Rekod Kualiti**



Dokumen No: NNSB -MK	Isu No: 1	Tarikh Isu: 11/11/2018	No Semakan: 0	Muka surat: 24 of 35
-------------------------	--------------	---------------------------	------------------	-------------------------

8.2 Keperluan Perkhidmatan

8.2.1 Komunikasi dengan Pelanggan

NNSB akan menentukan dan mewujudkan jalinan komunikasi yang berkesan dengan pelanggan bagi memastikan setiap keperluan pelanggan dipenuhi melalui:

- menyediakan maklumat yang berkaitan dengan perkhidmatan
- mengendalikan pertanyaan, kontrak atau pesanan, termasuk perubahan
- mendapatkan maklum balas pelanggan berkaitan dengan perkhidmatan, termasuk aduan pelanggan
- mengendalikan atau mengawal harta pelanggan
- mewujudkan keperluan khusus untuk tindakan luar jangka, jika relevan

Dokumen berkaitan:

- 1. Profil Syarikat**
- 2. Prosedur Perolehan Tender** NNSB-JK-P05
- 3. Katalog**
- 4. Borang Aduan Pelanggan**
- 5. Website**
- 6. Jadual Komunikasi**

8.2.2 Menentukan Keperluan Untuk produk dan Perkhidmatan

NNSB akan menentukan keperluan perkhidmatan yang akan ditawarkan kepada pelanggan adalah mengikut:

- keperluan untuk perkhidmatan ditetapkan termasuk
 - sebarang keperluan berkanun dan peraturan yang diguna pakai
 - apa yang difikirkan perlu oleh NNSB

8.2.3 Kajian Semula Keperluan Untuk Perkhidmatan

8.2.3.1

NNSB akan menyemak semua keperluan berkaitan kerja-kerja perkhidmatan yang dilaksanakan. Semakan ini dijalankan sebelum komitmen diberikan untuk melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan dimana, NNSB akan memastikan:

- Semua keperluan yang ditetapkan oleh pelanggan, termasuk keperluan hantar serah dan aktiviti selepas serah.
- keperluan yang dinyatakan oleh pelanggan, tetapi adalah perlu bagi kegunaan yang ditetapkan atau yang dimaksudkan
- keperluan yang ditetapkan oleh organisasi
- keperluan berkanun dan peraturan yang diguna pakai bagi perkhidmatan itu
- keperluan kontrak atau pesanan yang berbeza daripada yang dinyatakan terdahulu



Dokumen No: NNSB -MK	Isu No: 1	Tarikh Isu: 11/11/2018	No Semakan: 0	Muka surat: 25 of 35
-------------------------	--------------	---------------------------	------------------	-------------------------

Dokumen berkaitan:**1. Prosedur Perolehan Tender****8.2.3.2 NNSB akan menyimpan maklumat didokumentasikan, seperti yang berkenaan:**

- tentang hasil kajian semula
- tentang sebarang keperluan baharu untuk perkhidmatan

8.2.4 Perubahan Keperluan Untuk Perkhidmatan

NNSB akan memastikan bahawa maklumat didokumentasikan yang relevan dipinda, dan bahawa pegawai yang berkaitan dimaklumkan tentang keperluan berubah, apabila keperluan untuk perkhidmatan diubah.

Dokumen berkaitan:

- Borang Perubahan Dokumen**
- Log Perubahan Dokumen**

8.3 Reka Bentuk Dan Pembangunan Produk dan Perkhidmatan

Keperluan ini tidak dilaksanakan oleh NNSB. Pengecualian dan justifikasi keperluan ini dinyatakan dalam Keperluan 1.5 Manual Kualiti ini.

8.4 Kawalan terhadap proses, produk dan perkhidmatan sediaan luar**8.4.1 Am**

NNSB akan memastikan bahawa proses, produk dan perkhidmatan sediaan luar akur terhadap keperluan. NNSB akan menentukan kawalan yang akan diguna pakai bagi proses, dan perkhidmatan sediaan luar apabila,

- perkhidmatan daripada penyelia luar bermaksud untuk dijadikan sebahagian daripada produk dan perkhidmatan organisasi itu sendiri.
- produk dan perkhidmatan disediakan secara terus kepada pelanggan oleh penyedia luar bagi pihak NNSB
- proses, atau sebahagian proses, disediakan oleh penyedia luar berdasarkan keputusan yang dibuat oleh organisasi.

NNSB akan menentukan dan mengguna pakai kriteria penilaian, pemilihan, pemantauan prestasi dan penilaian semula penyedia luar, berdasarkan keupayaan mereka untuk menyediakan proses atau perkhidmatan selaras dengan keperluan. NNSB akan mengekalkan maklumat didokumentasikan berkaitan aktiviti ini dan apa-apa tindakan perlu yang berpunca daripada penilaian.

Dokumen berkaitan:**1. Prosedur Pembelian**



Dokumen No: NNSB -MK	Isu No: 1	Tarikh Isu: 11/11/2018	No Semakan: 0	Muka surat: 26 of 35
-------------------------	--------------	---------------------------	------------------	-------------------------

8.4.2 Jenis dan Takat Perubahan

NNSB akan memastikan penyedia perkhidmatan luar menyediakan proses perkhidmatan yang tidak memberi kesan negative terhadap NNSB agar NNSB berupaya secara konsisten menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan. Bagi tujuan tersebut, NNSB akan:

- a. Memastikan setiap penyedia perkhidmatan luar menyediakan proses yang kekal dalam kawalan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)
- b. Menjelaskan kepada kedua-dua pihak bahawa kawalan yang perlu dipatuhi bagi setiap penyedia perkhidmatan dan bagi pihak yang ingin menggunakannya untuk memberi keputusan bagi setiap output yang akan dikeluarkan.
- c. Mempertimbangkan/mengambil kira:
 - i. impak yang bakal berlaku terhadap penyedia perkhidmatan luar terhadap proses, produk dan perkhidmatan bagi kemampuan NNSB memberi perkhidmatan kepada pelanggan dan pihak berkepentingan..
 - ii. Keberkesanan kawalan yang digunakan oleh penyedia perkhidmatan luar
- d. Menentukan pengesanan atau aktiviti-aktiviti lain, yang diperlukan bagi memastikan setia penyedia perkhidmatan luar memenuhi keperluan terhadap proses, produk dan perkhidmatan.

Jenis dan kawalan terhadap pembekal dan subkontraktor keatas bahan yang dibeli dan perkhidmatan yang diberikan akan bergantung kepada spesifikasi yang telah ditetapkan. NNSB akan melaksanakan pemilihan dan penilaian pembekal dan subkontraktor bagi menilai keupayaan mereka dalam membekalkan barangan dan perkhidmatan untuk organisasi dengan menggunakan **Borang Pendaftaran Pembekal / Subkontraktor**.

Kriteria-kriteria pemilihan, penilaian dan penilaian semula akan diwujudkan dimana penilaian adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan seperti kualiti produk, harga, tempoh penghantaran bahan dan tempoh bayaran. Pembekal/subkontraktor yang telah membekalkan bahan / perkhidmatan sebelum SPK dibangunkan dan mempunyai reputasi yang baik secara automatic akan didaftarkan sebagai pembekal dan subkontraktor yang sah.

Senarai Pembekal dan Subkontraktor Berdaftar (NNSB-PTD-P02/B1) akan dibangunkan dan disimpan. Semua pembelian bahan mentah dan lain-lain mestilah melalui pembekal yang diluluskan. Sekiranya pembekal/subkontraktor tidak tersenarai didalam Senarai Pembekal dan Subkontraktor Berdaftar, kelulusan Pengarah Urusan diperlukan sebelum proses tersebut dilakukan. Pembekal dan subkontraktor tidak akan didaftarkan dalam senarai pembekal dan subkontraktor sekiranya pembelian kurang dari Ringgit Malaysia Dua Ribu atau pembelian yang dilakukan kurang dari tiga kali setahun. Namun penilaian terhadap pembekal/subkontraktor yang terlibat selepas pembekalan bahan/perkhidmatan dibuat untuk didaftarkan didalam **Senarai Pembekal dan Subkontraktor Berdaftar**.

Pembekal/Subkontraktor yang telah diluluskan akan dinilai semula prestasi mereka pada setiap tempoh tertentu berdasarkan kriteria yang ditetapkan antaranya kualiti barangan/perkhidmatan, tempoh penghantaran, perkhidmatan selepas jualan (jika berkenaan) dan harga yang diberikan.

Maklumat prestasi pembekal/subkontraktor akan direkodkan didalam **Borang Penilaian Prestasi Pembekal/Subkontraktor**. Pembekal/Subkontraktor akan dinilai setiap kali projek selesai. Sebarang tindakan lanjut terhadap pembekal/subkontraktor akan dilaksanakan sekiranya sebarang masalah berlaku. Rekod-rekod yang berkaitan dengan penilaian atau tindakan yang dilaksanakan terhadap pembekal/subkontraktor akan dipelihara dan disimpan.



NURKAMAL NETWORK SDN BHD

MANUAL KUALITI
ISO 9001: 2015

Tarikh Semakan:

Dokumen No: NNSB -MK	Isu No: 1	Tarikh Isu: 11/11/2018	No Semakan: 0	Muka surat: 27 of 35
-------------------------	--------------	---------------------------	------------------	-------------------------

Dokumen berkaitan:

1. Borang Pendaftaran Pembekal / Subkontraktor
2. Borang Penilaian Prestasi Pembekal / Subkontraktor
3. Senarai Pembekal / Subkontraktor Berdaftar

8.4.3 Maklumat Untuk Penyedia Luar

NNSB akan memastikan setiap bekalan perkhidmatan dan barangan yang dibeli, adalah sekiranya berkaitan:

- a) Memenuhi keperluan kelulusan barangan, prosedur, proses dan peralatan yang ditetapkan
- b) Keperluan bagi kelayakan pekerja yang menerima bekalan perkhidmatan dan barangan
- c) Memenuhi keperluan SPK
- d) Keperluan pembelian yang diluluskan

Dokumen berkaitan:

1. Prosedur Pembelian (NNSB-JK-P01)

8.5 Penyediaan Produk dan Perkhidmatan

8.5.1 Kawalan Penyediaan Pengeluaran dan Perkhidmatan

NNSB akan merancang dan melaksanakan pengeluaran dan perkhidmatan operasi dalam keadaan terkawal. Kawalan yang dimaksudkan adalah termasuk, sekiranya berkaitan:

- a. ketersediaan maklumat didokumentasikan yang menetapkan ciri-ciri produk, perkhidmatan atau aktiviti
- b. Ketersediaan dan penggunaan sumber pemantauan dan pengukuran yang sesuai
- c. pelaksanaan aktiviti pemantauan dan pengukuran pada tahap yang sesuai
- d. penggunaan prasarana dan persekitaran yang sesuai untuk operasi proses
- e. pelantikan orang yang kompeten, termasuk apa-apa kelayakan yang diperlukan
- f. pengesanan dan pengesanan semula secara berkala
- g. pelaksanaan tindakan bagi mencegah kesilapan manusia
- h. pelaksanaan aktiviti pelepasan, hantar serah dan selepas hantar serah

Dokumen berkaitan:

- | | |
|---|-------------|
| 1. Prosedur Penerimaan Pesanan Kerja Telekomunikasi | NNSB-JP-P01 |
| 2. Prosedur Penyelenggaraan Sistem Telekomunikasi | NNSB-JP-P03 |
| 3. Prosedur Permulaan Kerja | NNSB-JP-P04 |
| 4. Prosedur Pengurusan dan Pelaksanaan Projek | NNSB-JP-P05 |
| 5. Prosedur Pelaksanaan Projek Sivil dan M&E Kecil | NNSB-JP-P06 |
| 6. Prosedur Penyerahan | NNSB-JP-P07 |
| 7. Prosedur Tuntutan Bayaran | NNSB-JP-P08 |
| 8. Prosedur Penyelenggaraan Peralatan ICT | NNSB-JP-P09 |
| 9. Prosedur Pemasangan dan Pentauliahan Network | NNSB-JP-P10 |
| 10. Prosedur Pembekalan Alatan ICT Dan telekomunikasi | NNSB-JP-P11 |
| 11. Prosedur Risiko dan Peluang | NNSB-JK-06 |



Dokumen No: NNSB -MK	Isu No: 1	Tarikh Isu: 11/11/2018	No Semakan: 0	Muka surat: 28 of 35
-------------------------	--------------	---------------------------	------------------	-------------------------

8.5.1 Kawalan Penyediaan Pengeluaran dan Perkhidmatan

Keperluan NURKAMAL NETWORK SDN BHD hendaklah mengesahkan apa-apa proses bagi pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan jika output yang dihasilkan tidak dapat ditentukan melalui pemantauan atau pengukuran seterusnya dan akibatnya kekurangan hanya dapat dilihat setelah produk itu digunakan atau perkhidmatan itu telah dilaksanakan.

Pengesahan hendaklah menunjukkan keupayaan proses ini mencapai keputusan yang **dirancang**.

NURKAMAL NETWORK SDN BHD hendaklah mengatur proses ini yang termaksudlah, jika berkenaan,

- Kriteria yang ditetapkan bagi semakan dan kelulusan proses.
- Kelulusan peralatan dan kelayakan personel
- Penggunaan kaedah dan prosedur tertentu
- Keperluan rekod
- Pengesahan semula
- Pelaksanaan perlepasan perkhidmatan, aktiviti-aktiviti operasi dan selepas perkhidmatan diselesaikan.

8.5.3 Harta Kepunyaan Pelanggan Atau Penyedia Luar

NNSB akan memastikan semua harta pelanggan dijaga dan dilindungi semasa berada dibawah kawalan organisasi atau digunakan untuk pelaksanaan kerja-kerja perkhidmatan. Harta pelanggan termasuk bahan dan barangan yang dibekalkan oleh pelanggan, termasuk data dan maklumat bagi digunakan oleh NNSB untuk kerja-kerja perkhidmatan. NNSB akan mengenalpasti, menentusahkan, menjaga dan melindungi harta pelanggan yang disediakan untuk kegunaan ataupun untuk disimpan. Sekiranya harta pelanggan ini didapati hilang, rosak atau tidak lagi sesuai untuk digunakan, NNSB akan melaporkan perkara tersebut kepada pelanggan dan menyelenggarakan rekod yang berkaitan.

8.5.4 Pemeliharaan

NNSB akan memelihara output semasa penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan, setakat yang perlu bagi Memastikan keakuran terhadap keperluan.

8.5.5 Aktiviti Selepas Hantar

NNSB akan mewujudkan prosedur yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan bagi aktiviti selepas hantar serah yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan.

Dalam menentukan tahap aktiviti yang diperlukan selepas hantar serah, NNSB akan mengambil kira

- keperluan berkanun dan peraturan
- akibat tidak diingini yang mungkin timbul berkaitan produk dan perkhidmatannya
- keadaan, kegunaan serta hayat produk dan perkhidmatan yang dimaksudkan
- keperluan pelanggan
- maklum balas pelanggan



Dokumen No: NNSB -MK	Isu No: 1	Tarikh Isu: 11/11/2018	No Semakan: 0	Muka surat: 29 of 35
-------------------------	--------------	---------------------------	------------------	-------------------------

Dokumen berkaitan:**1. Prosedur Penyerahan (NNSB-JP-P06)****8.5.6 Kawalan Perubahan**

NNSB akan menyemak semula dan mengawal perubahan terhadap pengeluaran atau penyediaan perkhidmatan Setakat yang perlu bagi memastikan keakuran berterusan terhadap keperluan.

NNSB akan mengekalkan maklumat didokumentasikan yang memerihalkan hasil kajian semula perubahan, orang yang membenarkan perubahan dana pa-apa yang perlu hasil daripada kajian semula.

Dokumen berkaitan:**1. Prosedur Perubahan Dokumen (NNSB-JK-B3)****8.6 Pelepasan Produk dan Perkhidmatan**

NNSB akan melaksanakan perkiraan terancang, pada tahap yang sesuai, untuk menentukan bahawa keperluan produk dan perkhidmatan telah dipenuhi.

Pelepasan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan tidak perlu diteruskan sehingga perkiraan terancang disiapkan dengan memuaskan, melainkan jika diluluskan sebaiknya oleh pihak berkuasa.

NNSB hendaklah mengekalkan maklumat didokumentasikan tentang pelepasan produk dan perkhidmatan. Maklumat didokumentasikan ini termasuk:

- bukti keakuran terhadap kriteria penerimaan
- kebolehesanan orang yang membenarkan pelepasan

8.7 Kawalan Output Tak Akur**8.7.1 NNSB akan memastikan bahawa output tak akur terhadap keperluannya dikenal pasti dan dikawal bagi mencegah penggunaan atau hantar serah yang tidak dimaksudkan.**

NNSB akan mengurus output tak akur dengan satu atau lebih daripada cara yang berikut:

- membuat pembetulan
- membuat pengasingan, pembendungan, pemulangan atau penggantunagn penyedian perkhidmtan
- memaklumkan pelanggan
- mendapatkan kebenaran untuk penerimaan di bawah konsesi

8.7.2 NNSB akan mengekalkan maklumat didokumentasikan yang

- memerihalkan ketakakuran
- memerihalkan tindakan yang diambil
- memerihalkan apa-apa konsesi yang diperolehi
- mengenal pasti kuasa yang memutuskan tindakan ketakakuran



Dokumen No: NNSB -MK	Isu No: 1	Tarikh Isu: 11/11/2018	No Semakan: 0	Muka surat: 30 of 35
-------------------------	--------------	---------------------------	------------------	-------------------------

Dokumen berkaitan:

1. Prosedur Kawalan Ketidakpatuhan (NNSB-JK-P04)

9.0 Penilaian Prestasi

9.1 Pemantauan, Pengukuran, Analisis, dan Penilaian

9.1.1 AM

NNSB akan menentukan, mengumpul dan menganalisis semua data-data yang bersesuaian bagi menunjukkan keakuran dan keberkesanan SPK. Ini dilaksanakan untuk menilai peluang-peluang penambahbaikan bagi menunjukkan keberkesanan SPK dan peningkatan berterusan. Perkara ini dilakukan berdasarkan data-data yang dikumpul melalui pemantauan dan pengukuran serta sumber-sumber lain yang berkaitan. Hasil analisis akan digunakan untuk menilai:

- a. Keakuran produk
- b. Tahap kepuasan pelanggan
- c. Prestasi dan keberkesanan system pengurusan kualiti
- d. Samada perancangan telah dilaksanakan dengan berkesan
- e. Keberkesanan tindakan yang diambil bagi menangani risiko dan peluang
- f. Prestasi penyedia luar
- g. Keperluan untuk menambah baik system pengurusan kualiti

9.1.2 Kepuasan Pelanggan

Salah satu daripada kaedah pengukuran prestasi SPK yang dilaksanakan oleh NNSB adalah dengan melaksanakan kajian kepuasan pelanggan. Ini dilaksanakan dengan menggunakan **Borang Penilaian**. Penggunaan kajian maklumbalas pelanggan ini adalah bagi memantau maklumat berkaitan dengan respon pelanggan bagi mengetahui sama ada NNSB memenuhi atau tidak keperluan yang dinyatakan oleh pelanggan.

Kajian ini akan dilakukan terhadap satu-satu kontrak sebaik sahaja tempoh kuatkuasanya berakhir atau setahun sekali dipenghujung tahun mengikut cara perkhidmatan yang diberikan. **Borang Penilaian** akan diberikan kepada pihak yang bertanggungjawab untuk diisi dan data maklumbalas kemudiannya dianalisa menggunakan statistik yang bersesuaian dan direkodkan.

Sebarang kelemahan berhubung dengan kepuasan pelanggan berbanding kriteria yang ditetapkan akan dimaklumkan kepada bahagian yang berkaitan. Bahagian berkaitan perlu merancang dan melaksanakan tindakan pembetulan atau peningkatan yang bersesuaian bagi mengatasi masalah yang dikenalpasti. Rekod maklumat yang berkaitan dengan kajian kepuasan pelanggan akan dipelihara dan akan dibentangkan sebagai salah satu input di dalam Mesyuarat Semakan Pengurusan.



Dokumen No: NNSB -MK	Isu No: 1	Tarikh Isu: 11/11/2018	No Semakan: 0	Muka surat: 31 of 35
-------------------------	--------------	---------------------------	------------------	-------------------------

Dokumen berkaitan:

1. Borang Penilaian

9.1.3 Analisis dan Perubahan

NNSB akan merancang dan melaksanakan proses pemantauan, pengukuran dan analisis serta penambahbaikan terhadap SPK bagi:

- a. Keakuran produk dan perkhidmatan
- b. Tahap kepuasan pelanggan
- c. Prestasi dan keberkesanan system pengurusan kualiti
- d. Sama ada perancangan telah dilaksanakan dengan berkesan
- e. Keberkesanan tindakan yang diambil bagi menangani risiko dan peluang
- f. Prestasi penyedia luar
- g. Keperluan untuk menambah baik system pengurusan kualiti

9.2 Audit Dalaman

Kerja-kerja pengauditan ini akan dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam tempoh 12 bulan berpandukan Jadual Perancangan Audit Tahunan yang dikeluarkan oleh Ketua Auditor dan pasukan audit dalaman. Ini bagi memastikan sama ada SPK yang dilaksanakan oleh NNSB:

- a) Menepati perancangan (Rujuk Keperluan 7.1 Manual Kualiti ini), keperluan standard dan keperluan SPK NNSB.
- b) Dilaksanakan dan diselenggarakan dengan berkesan

Audit Dalaman diadakan untuk menilai kelemahan dan kekuatan SPK supaya tindakan yang bersesuaian dapat diambil. Juruaudit Dalaman terdiri daripada kakitangan NNSB yang terlatih bagi menjalankan kerja-kerja pengauditan di bahagian NNSB secara 'cross-functional'. Kriteria, skop, kekerapan dan kaedah audit akan ditentukan. Semua juruaudit kualiti yang dilantik akan dipastikan untuk tidak mengaudit kerja-kerja sendiri.

Satu prosedur akan diwujudkan bagi menentukan tanggungjawab dan keperluan bagi perancangan dan pelaksanaan audit. Ini termasuk tanggungjawab bagi mewujudkan rekod-rekod berkaitan dan pelaporan audit dalaman.

Semua rekod-rekod dan hasil keputusan pelaporan audit dalaman akan diselenggarakan.

Pihak pengurusan dan mereka yang diaudit (auditee) terhadap proses-proses kerja mereka hendaklah memastikan apa-apa pembetulan dan tindakan pembetulan yang dicadangkan dilaksanakan tanpa sebarang kelengahan. Tindakan yang dibuat perlulah menunjukkan keberkesanan bagi menghapuskan punca ketakakuran yang dikesan.

Juruaudit bertanggungjawab melakukan tindakan susulan bagi memastikan pembetulan dan tindakan pembetulan yang dicadangkan dibuat, serta mengeluarkan pelaporan bagi menentukan keputusan penentusahan tersebut (rujuk keperluan 8.5.2 manual kualiti ini)



Dokumen No: NNSB -MK	Isu No: 1	Tarikh Isu: 11/11/2018	No Semakan: 0	Muka surat: 32 of 35
-------------------------	--------------	---------------------------	------------------	-------------------------

Dokumen berkaitan:

1. Prosedur Audit Dalaman NNSB-JK-P03

9.3 Kajian Semula Pengurusan

9.3.1 AM

Kajian Semula Pengurusan dibentuk bagi memastikan pihak pengurusan sentiasa menyemak kesinambungan kesesuaian, ketepatan dan keberkesanan SPK selaras dengan Objektif dan Dasar Kualiti syarikat.

Pengarah Urusan merupakan Pengerusi dalam Mesyuarat Semakan Pengurusan yang diadakan sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam tempoh 12 bulan. Ahli-ahli Jawatankuasa yang lain ialah Pengarah Eksekutif, Pengurus Projek, Pengurus Pentadbiran dan Kewangan, Ahli Jawatankuasa Kerja SPK dan lain-lain

Ketua Auditor akan membentangkan laporan Semakan Pengurusan termasuk laporan Audit Kualiti, analisa-analisa data, tindakan pembedahan dan pencegahan, maklumbalas pelanggan dan sebagainya. Penyediaan laporan dibuat berdasarkan pemantauan pelaksanaan dan analisis data-data daripada pemilik-pemilik proses.

Hasil daripada perbincangan Kajian Semula Pengurusan, tindakan peningkatan yang perlu diambil akan diminitkan dan dilaksanakan. Pelaksanaan ini termasuk peluang penambahbaikan serta perubahan kepada SPK yang merangkumi Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti.

Ketua Auditor bertanggungjawab dalam menyediakan dan mengedarkan Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan kepada ahli mesyuarat dalam tempoh 5 hari bekerja. Semua rekod-rekod berkaitan akan diselenggarakan.

9.3.2 Input Kajian Semula Pengurusan

Input kajian semula pengurusan merangkumi maklumat berkaitan:

- a) Keputusan audit
- b) Perubahan isu luaran dan dalaman
- c) Maklumbalas pelanggan
- d) Prestasi proses dan keakuran produk
- e) Status tindakan pencegahan dan pembedahan
- f) Tindakan susulan daripada kajian semula pengurusan yang terdahulu
- g) Perubahan yang boleh memberi kesan kepada sistem pengurusan kualiti
- h) Cadangan bagi penambahbaikan
- i) Penilaian prestasi pembekal



Dokumen No: NNSB -MK	Isu No: 1	Tarikh Isu: 11/11/2018	No Semakan: 0	Muka surat: 33 of 35
-------------------------	--------------	---------------------------	------------------	-------------------------

9.3.3 Output Kajian Semula Pengurusan

Output kajian semula pengurusan merangkumi apa-apa keputusan dan tindakan yang diperlukan bagi:

- Penambahbaikan keberkesanan SPK dan proses-prosesnya
- Penambahbaikan perkhidmatan yang berkaitan dengan keperluan pelanggan
- Peningkatan sumber

Dokumen berkaitan:

- Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan**
- Borang Kehadiran**

10.0 Penambahbaikan

10.1 AM

NNSB akan menentukan dan memilih peluang untuk penambahbaikan, dan melaksanakan apa-apa tindakan yang perlu, bagi memenuhi keperluan pelanggan dan meningkatkan kepuasan pelanggan termasuk

- menambahbaikan produk dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan
- membetulkan, mencegah atau mengurangkan kesan tidak diingini
- menambah baik prestasi dan keberkesanan system pengurusan kualiti



10.2 Katakakuran dan Tindakan Pembetulan

10.2.1 Apabila katakakuran berlaku, termasuk apa-apa yang timbul daripada aduan, NNSB akan

- a. bertindakbalas terhadap ketakakuran itu dan jika berkenaan
 1. mengambil tindakan untuk mengawal dan membetulkannya
 2. menguruskan akibat
- b. menilai keperluan untuk mengambil tindakan menghapuskan penyebab ketakakuran, supaya tidak berulang dengan cara:
 - a. menyemak semula dan menganalisis ketakakuran
 - b. menentukan penyebab ketakakuran
 - c. menentukan jika ketakakuran serupa wujud
 - d. melaksanakan tindakan yang diperlukan
 - e. menyemak semula keberkesanan tindakan pembetulan yang diambil
 - f. mengemas kini risiko dan peluang
 - g. membuat perubahan dalam system pengurusan kualiti

10.3 Penambahanbaikan berterusan

NNSB hendaklah secara berterusan menambahbaik kesesuaian, kecukupan, dan keberkesanan system pengurusan kualiti.

NNSB hendaklah mengambil kira keputusan analisis dan penilaian dan output daripada kajian semula Pengurusan, bagi menentukan jika terdapat keperluan atau peluang



**NURKAMAL NETWORK
SDN BHD**

**MANUAL KUALITI
ISO 9001: 2015**

Tarikh Semakan:

Dokumen No:
NNSB -MK

Isu No:
1

Tarikh Isu:
11/11/2018

No Semakan:
0

Muka surat:
35 of 35